



# PERTANIAN MENURUT PERSPEKTIF AS-SUNNAH: TINJAUAN UMUM PEMIKIRAN & SUMBANGAN TOKOH-TOKOH ILMUWAN ISLAM

(Agriculture From The Sunnah Perspective: A General Overview Of  
Islamic Scholars' Thought And Contributions)

Syed Najihuddin Syed Hassan, Zuhilmi Mohamed Nor, Nidzamuddin Zakaria, Abdulloh Salaeh  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

## Abstract

Engaging in the agricultural sector is Islamic demand. Rasulullah PBUH's suggestion clearly emphasizes the importance of this sector in prospering the greenery of this earth. This article collected several hadiths related to agriculture that explain the benefits of agriculture from the perspective of al-sunnah and its management, agriculture as an economic driver and the challenges of implementing al-sunnah recommendations in the era of globalization. Besides, this article also highlights some Islamic scholars who made significant contributions in the field of agriculture, namely al-Dinawari, Ibn Sina, Ibn Sidah, Ibn al-Rumiyyah and Ibn al-Baitar. Descriptive analysis was used to analyze the collected study text. The main objective of this paper is to list the hadiths related to agricultural incentives as well as to present to the community that Islam since the heyday of Islamic civilization has emphasized the aspect of agriculture as one of the main sources of economy. Therefore, it is hoped that this article can contribute to the replenishment of human capital in the agricultural sector. This is further strengthened by the recommendations of the Malaysian government which places great emphasis on the agricultural sector.

**Kata Kunci:** Prophetic advice in agriculture, Islamic agricultural scholars, developing agricultural human capital

## Article Progress

Received: 17 July 2021  
Revised: 15 November 2021  
Accepted: 30 November 2021

\*Corresponding Author:  
Syed Najihuddin Syed Hassan.  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Email:  
syednajihuddin@usim.edu.my

## PENDAHULUAN

Pertanian dalam bahasa Arab disebut dengan kata dasar زرع-يزرع-زرع-زراعة yang membawa erti menanam atau menyemai. Disebut juga sebagai غرس-يغرس-غرسا iaitu bercucuk tanam. Terdapat satu perkataan lagi iaitu حرث-يحرث-حرثاً iaitu membajak (al-Marbawi, 1350H). Perkataan-perkataan ini digunakan dalam al-Quran dan hadis. Antaranya ialah firman Allah SWT dalam Surah Al-Waqi'ah, ayat 63 dan 64.

أَفَرَأَيْتُمْ مَا كَحَرْتُونَ ۚ ٦٣ ءَأَنْتُمْ تَزْرَعُونَهُ. أَمْ نَحْنُ الَّذِينَ نَزْرَعُونَ ۚ ٦٤

“Maka terangkanlah kepadaku tentang yang kamu tanam. Kamukah yang menumbuhkannya atau Kami (Allah) yang menumbuhkannya?”

Ruang lingkup pertanian meliputi bercucuk tanam, penternakan dan mengusahakan kebun. Ini juga merangkumi pengeluaran bahan makanan, makanan ternakan, fiber dan bahan lain melalui suatu sistem ternakan atau tanaman. Ini termasuk tatacara untuk menternak dan memproses ternakan.

Selepas mengetahui asal-usul perkataan pertanian, didapati istilah ini merujuk kepada pengusahaan tanah sama ada dengan bertani, berladang, bercucuk tanam atau berternak. Skop pertanian juga telah meliputi aktiviti pertanian yang merangkumi teknik mengusahakan tanah dan pengurusan hasilnya.

## KEISTIMEWAAN PERTANIAN

Pertanian adalah pekerjaan manusia sejak zaman berzaman. Manusia tidak dapat dipisahkan daripada pekerjaan ini. Namun begitu, arus kemodenan telah sedikit sebanyak meminggirkan amalan mulia ini. Pembangunan demi pembangunan telah mengurangkan tanah untuk melaksanakan aktiviti pertanian. Sektor pembinaan dan perkilangan yang berkembang dengan pesat telah mengalihkan perhatian generasi baru. Mereka lebih suka akan persekitaran kerja yang tidak berlumpur, tiada serangga perosak dan tiada pancaran terik matahari.

### Kesinambungan Pertanian

Setiap sesuatu yang baik sewajarnya diteruskan dan diamalkan oleh umat manusia. Setiap yang baik akan diganjar pahala oleh Allah SWT. Tambahan pula, amalan itu ialah amalan yang bermanfaat kepada semua makhluk, sama ada manusia ataupun bukan manusia. Jika sekiranya tiada yang meneruskan amalan itu, amalan itu akan terhenti.

Dalam hal ini Islam amat mementingkan pertanian. Pekerjaan yang mulia ini amat wajar diwarisi dan diteruskan oleh generasi demi generasi. Diteruskan demi kesinambungan kehidupan dan kelangsungan hayat sehinggalah ke hari kiamat. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik:

عن أنس قال قال رسول الله ﷺ "إِنْ قَامَتِ السَّاعَةُ وَفِي يَدِ أَحَدِكُمْ فَسِيلَةٌ فَإِنْ اسْتَطَاعَ أَنْ لَا تَقُومَ حَتَّى يَغْرِسَهَا فَلْيَغْرِسَهَا "

Daripada Anas RA berkata, Rasulullah SAW bersabda “Jika sekiranya kiamat sedang berlaku, sedangkan di tangan seseorang di kalangan kamu satu biji benih kurma. Maka jika dia mampu menanamnya sebelum terjadinya kiamat, maka hendaklah dia menanamnya.” al-Bukhari dalam al-Adab al-Mufrad (dinilai sahih oleh al-Albani, no.371)

Hadis di atas memberi galakan supaya proses bercucuk tanam itu diteruskan walaupun pada masa itu hari kiamat sedang berlaku. Pohon itu perlu terus ditanam walaupun hari kiamat sudah amat dekat. Kalau dari segi logik akal nya, mustahil si penanam akan beroleh hasil daripada apa yang ditanam itu semasa hidupnya di dunia. Ini kerana dunia yang hampir kiamat itu tentunya akan musnah secara keseluruhan. Dan semestinya pohon tersebut akan turut sama musnah seiring dengan kemusnahan dunia. Namun begitu, arahan agar perbuatan bercucuk tanam itu perlu diteruskan dan semestinya ada ganjaran atas perbuatan itu nanti. Ganjaran itu akan diberikan nanti di akhirat kelak.

### Pulangan Pahala Apabila Dimanfaatkan

Bercucuk tanam diiktiraf sebagai pekerjaan yang mulia di dalam Islam. Amalan bertani atau bercucuk tanam ini amat dititikberatkan oleh Islam. Tanaman yang tumbuh akan mengeluarkan pucuk dan terus membesar. Daun-daun akan bertambah dan menghijau. Kuntuman bunga akan

mekar dan yang berbuah akan mengeluarkan hasilnya. Justeru, hasil itu akan dituai dan dinikmati. Ada yang akan dimakan, ada yang diperah untuk dijadikan minuman dan ada yang dimanfaatkan untuk tujuan yang lain.

Dalam hal ini, hasil pertanian yang dimanfaatkan tadi akan memberi pulangan pahala kepada pembuatnya. Setiap pelaku kebaikan akan diberi ganjaran atas amalannya. Ini digambarkan dalam sebuah hadis sebagaimana berikut:

عن أنس بن مالك رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: "ما من مسلم يعرس غرساً أو يزرع زرعاً فيأكل منه طير أو إنسان أو بهيمة إلا كان له به صدقة"

Daripada Anas RA berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Tidaklah seseorang muslim itu bercucuk tanam atau bertani maka dimakan daripada tanaman itu beburung, manusia atau haiwan melainkan baginya pahala sedekah dengan hal itu" (al-Bukhari, no. 2320)

Hadis di atas menerangkan kelebihan bercucuk tanam atau bertani yang mana apabila hasil tanaman itu dimanfaatkan, pemulanya akan mendapat pahala sedekah. Sudah tentu pahala dan ganjaran sedekah akan dapat dinikmati hasilnya oleh orang yang beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat. Ertinya hanya orang beriman akan mendapat ganjaran tersebut di hari akhirat. Hadis ini juga turut menggesa umat Islam agar menceburi bidang pertanian agar dapat mengumpulkan pahala sedekah sebanyak-banyaknya.

Justeru, selagi mana tanaman itu dimakan daunnya, dipetik buahnya dan dimanfaatkan daripadanya sama ada oleh manusia, beburung atau binatang, maka selama itulah pahala amalan kebaikan akan diberi kepada penanamnya. Ganjaran tersebut akan berterusan selama mana tanaman itu dimanfaatkan. Hal ini turut memberi penekanan kepada pemuliharaan alam sekitar dan pengendalian ekosistem setempat kerana jika seseorang mahu amalan kebajikannya berterusan, beliau perlulah terus bercucuk tanam dan menjaga tanamannya. Di samping itu, beliau mesti menjaga persekitaran agar sentiasa hijau yang mana akan melibatkan penjagaan air, pengurusan bahan buangan dan sebagainya.

### **Peneroka Tanah Baru Menjadi Pemilik**

Setelah bumi ini diciptakan dan Nabi Adam AS. diturunkan untuk menghuninya, Allah SWT memerintahkan agar baginda memakmurkan bumi. Pertanian dan penternakan merupakan pekerjaan Adam AS dan keluarganya untuk meneruskan kehidupan. Keturunan Adam seterusnya meneroka tanah demi tanah bagi tujuan ini. Sehingga sekarang terdapat tanah yang sudah diterokai dan masih ada yang belum diusahakan.

Sehubungan dengan ini, Rasulullah SAW memberikan prioriti tanah yang sudah diterokai kepada si peneroka tanah. Ini berdasarkan kepada sebuah hadis sebagaimana berikut.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ أَعْمَرَ أَرْضًا لَيْسَتْ لِأَحَدٍ فَهِيَ أَحَقُّ"

Daripada Aisyah r.a. daripada Rasulullah ﷺ bersabda: "Barangsiapa yang memakmurkan bumi yang bukan milik sesiapa, maka beliau lebih berhak ke atas tanah itu." (al-Bukhari, no. 2335)

Berdasarkan hadis tersebut, jika sesiapa mengusahakan tanah yang tidak dimiliki oleh sesiapa, maka si pengusaha akan memperoleh haknya ke atas tanah itu. Sebaliknya, jika tanah itu kepunyaan orang lain, beliau tidak akan mendapat kelebihan itu. Hadis ini turut menggesa agar diperbanyakkan penerokaan tanah dengan diberikan hak milik tanah kepada pengusahanya. Tanah-tanah yang membuahkan hasil akan turut meningkatkan taraf ekonomi seseorang.

### **Khasiat Perubatan**

Dunia perubatan telah membongkar khasiat tumbuh-tumbuhan dalam mengubati pelbagai penyakit. Ini jelas dicatatkan oleh ilmuwan Islam silam seperti al-Dinawariy, Ibnu Sina dan lain-lain. Mereka telah mengkaji tumbuhan yang berpotensi dalam perubatan di samping membuat ujikaji berkaitan. Hasilnya, umat Islam mendapat maklumat yang berguna dalam bidang perubatan berasaskan tumbuhan.

Terdapat beberapa jenis tanaman yang mempunyai khasiat tertentu dalam perubatan dan pemakanan. Ada di antaranya yang telah diberitahu khasiatnya oleh junjungan Rasulullah SAW. Antaranya, *al-habbah al-sawda'* atau jintan hitam yang merupakan penawar bagi segala penyakit kecuali kematian sahaja.

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال: قال رسول الله ﷺ: "فِي الْحَبَّةِ السَّوْدَاءِ شِفَاءٌ مِنْ كُلِّ دَاءٍ، إِلَّا السَّامُ"

Daripada Abu Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda: “Terdapat di dalam *al-habbah al-sawda'* (jintan hitam), penawar bagi segala penyakit, melainkan kematian.” (al-Bukhari, no. 5687)

Begitu juga buah kurma yang terbukti mengandungi nutrisi yang amat baik untuk tubuh badan. Khasiat ini telah dibuktikan secara saintifik yang mana pengamal makanan kesihatan mendapati di dalam tamar terdapat sebatian atau unsur pemakanan yang diperlukan oleh tubuh badan manusia. Ini termasuk sebatian glukosa, fruktosa, sukrosa, kanji, potasium, sulfur, fosforus, besi, sodium, magnesium dan zink. Kelebihan buah tamar dalam memberikan tenaga segera kepada yang berpuasa menyebabkan buah ini menjadi kegemaran pembeli di dalam bulan puasa (Sayf al-Hamuri, 18 Februari 2020).

Namun khasiat ini yang disedari sejak kebelakangan ini telah diberikan perkhabarannya oleh Baginda SAW sejak 1400 tahun yang lalu. Hal ini merujuk hadis Baginda SAW seperti berikut.

عن عائشة رضي الله عنها قالت: قال رسول الله ﷺ: "يَا عَائِشَةُ! بَيْتٌ لَا تَمْرَ فِيهِ، جِيَاعٌ أَهْلُهُ. يَا عَائِشَةُ! بَيْتٌ لَا تَمْرَ فِيهِ جِيَاعٌ أَهْلُهُ أَوْ جِاعٌ أَهْلُهُ" قَالَهَا مَرَّتَيْنِ، أَوْ ثَلَاثًا.

Daripada Aishah RA berkata: Rasulullah SAW bersabda: “Wahai Aishah, rumah yang tiada tamar di dalamnya, kelaparanlah isi rumah itu. Wahai Aisyah, rumah yang tiada tamar di dalamnya, kelaparanlah isi rumah itu –atau laparlah ahlinya” Baginda SAW mengulanginya dua atau tiga kali. (Muslim, no. 5305)

Hadis ini menegaskan bahawa sesiapa yang tiada tamar di dalam rumahnya, ahli rumah itu akan mengalami kelaparan. Sebaliknya, kewujudan tamar yang mempunyai pelbagai khasiat akan membantu mengenyangkan seisi rumah. Justeru, kepelbagaian khasiat tumbuhan dan tanaman

ini telah memberi galakan kepada petani untuk memperbanyakkan tumbuhan bermanfaat kepada masyarakat. Ini akan menjadi khidmat untuk masyarakat. Mereka akan beroleh ganjaran kebaikan jika dapat dimanfaatkan oleh semua.

### Syurga Dipenuhi Tumbuhan

Syurga yang menjadi tempat mendapat kenikmatan dan rezeki tanpa putus-putus adalah tempat yang dipenuhi pepohonan. Malah, perkataan syurga dalam bahasa Arab iaitu “*jannah*” bermaksud “terselindung” yang membawa erti “banyak pepohon yang menyebabkan sesiapa berjalan di dalamnya, dirinya seakan terselindung daripada pandangan”. Zikir tertentu juga diceritakan oleh junjungan besar Rasulullah SAW akan menumbuhkan pepohonan di syurga. Pepohonan ini akan sentiasa bertambah dengan zikir umat Islam yang akan menghuni kehijauannya kelak.

عن ابن عباس رضي الله عنهما أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: "مَنْ قَالَ سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ غَرَسَ لَهُ بِكُلِّ وَاحِدَةٍ مِنْهُنَّ شَجَرَةً فِي الْجَنَّةِ"

Daripada Ibnu Abbas r.a. bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: “Barangsiapa berkata *subhanallah, alhamdulillah, lailahailallah, dan Allahu akbar*, ditumbuhkan dengan setiap satu zikir itu, seponon pokok di dalam syurga.” (al-Bukhari dalam al-Tarikh al-Kabir, t.t.)

### PENGURUSAN PERTANIAN

Pertanian perlu diuruskan dengan sebaik-baiknya. Bagi tujuan mendapat kebaikan di dunia dan di akhirat, pertanian hendaklah diberi nilai pengurusan yang sepatutnya. Aspek pengurusan dan dalam hal ini, pengurusan pertanian telah menjadi agenda utama dalam pembangunan masa kini. Telah terbukti pengurusan yang baik akan membuah hasil yang baik, begitu juga sebaliknya. Maka dengan ini, Islam telah menggariskan nilai-nilai pengurusan yang berkaitan.

#### Penggunaan Alat Pertanian Mengikut Batasan

Sejak dahulu lagi, sektor pertanian dirancakkan dengan penggunaan alat-alat yang membantu penanaman. Alat-alat ini direka cipta bagi memudahkan petani di samping memberikan hasil yang semaksima dan seoptima mungkin. Pada zaman dahulu, kerbau digunakan untuk membajak manakala pada zaman sekarang, jentera pembajak telah mengambil alih tempatnya seiring dengan kemodenan masa kini. Masa juga telah dapat dijimatkan dan hasil sudah dapat dilipatgandakan.

Islam tidak menolak sebarang kemajuan. Para petani dibenarkan menggunakan alat-alat pertanian yang memudahkan mereka dalam urusan pertanian. Walau bagaimanapun, penggunaan alat-alat ini perlulah digunakan secara betul serta tidak melampaui batas. Ini berdasarkan sebuah hadis seperti berikut:-

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ الْبَاهِلِيِّ قَالَ: وَرَأَى سِكَّةً وَشَيْئًا مِنْ آلَةِ الْحَرْثِ فَقَالَ: سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ " لَا يَدْخُلُ هَذَا بَيْتَ قَوْمٍ إِلَّا أَدْخَلَهُ اللَّهُ الدَّلَّ "

Daripada Abu Umamah Al-Bahili RA berkata ketika beliau melihat alat pembajakan dan beberapa alat pertanian (di dalam sebuah rumah): Aku

mendengar Rasulullah SAW bersabda “Tidaklah alat-alat ini memasuki sesebuah rumah melainkan Allah SWT memasukkan ke dalamnya kehinaan.” (al-Bukhari, no. 2321)

Al-‘Asqalani (2000) ketika menghuraikan hadis ini, telah menyelesaikan pertentangan yang secara zahirnya timbul antara larangan yang terdapat di dalam hadis iaitu larangan memiliki alat-alat pertanian, dengan hadis galakan agar bercucuk tanam. Larangan itu bertujuan mengelakkan daripada perbuatan yang menyebabkan pengabaian tanggungjawab yang lebih penting. Begitu juga larangan ini jika alat pertanian tersebut digunakan secara melampaui batasan. Hal ini bertepatan dengan maksud bab hadis ini yang digariskan oleh al-Bukhari sendiri iaitu “Bab (pada menyatakan) apa yang perlu dielakkan daripada akibat buruk dalam penggunaan alat pertanian, atau melampaui batasan yang ditetapkan”.

Berdasarkan huraian di atas, Islam tidak melarang penggunaan alat-alat pertanian dalam mengusahakan sumber rezeki itu. Apa yang ditegah ialah mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan ke atasnya seperti tanggungjawab kepada keluarga. Ini bermaksud, mengutamakan yang lebih utama. Tegahan juga terarah kepada mereka yang menggunakan alat tersebut secara melampaui batasan. Dalam hal ini, Islam sentiasa menyuruh umatnya agar bersederhana dalam segala sesuatu. Ini tidak bermakna umat Islam memadai dengan apa yang ada sahaja, malah Islam memberi panduan agar tidak berlaku kezaliman dan kerosakan.

Dalam penggunaan alatan pertanian, penjagaan alam sekitar juga perlu diambil kira. Kerosakan boleh berlaku dan ekosistem boleh terganggu oleh kerana perbuatan manusia itu sendiri. Kadang kala sesuatu alat itu jika digunakan tanpa batasan akan menyebabkan kerosakan kepada alam. Keseimbangan alam boleh tergugat. Sebagai contoh, penggunaan pukut tunda yang terlalu rapat (tidak jarang) akan mengangkut semua ikan termasuklah ikan yang bersaiz paling kecil iaitu anak-anak ikan. Ini akan mempercepatkan kepupusan ikan kerana kewujudan anak-anak ikan ini akan menjamin kelangsungan hidup spesis ikan.

### **Penggunaan Teknologi Dalam Penjagaan Dan Pembajakan.**

Umat manusia telah mengenali teknologi sebagai alat yang membantu dalam aktiviti seharian. Teknologi telah membantu menyelesaikan pelbagai masalah manusia. Seiring dengan ketamadunan manusia, teknologi telah berkembang dan menjadi lebih canggih. Manusia akan sentiasa menggunakan kreativitinya untuk mencipta pelbagai rekaan yang membantu dalam aktiviti-aktiviti yang dijalaninya.

Sektor pertanian turut mengalami perubahan drastik daripada aspek penggunaan teknologi. Pelbagai inovasi dalam bidang pertanian telah meningkatkan kecekapan para petani. Masa dan kos juga dapat dijimatkan. Penyelidikan demi penyelidikan diteruskan untuk meningkatkan hasil pengeluaran dan pada masa yang sama mesra alam. Sebagai contoh, penggunaan teknologi fertigasi iaitu menggunakan baja campuran air yang disalurkan ke polibeg tanpa penggunaan tanah (Info Pertanian Online, 18 Mac 2011). Teknologi pertanian telah berkembang dengan pesat. Pelbagai teknik telah diaplikasi dalam penjagaan begitu juga pembajakan. Dari aspek penjagaan, Islam telah membenarkan penggunaan anjing sebagai penjaga tanaman. Hal ini diterangkan sebagai mana berikut.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ أَمْسَكَ كَلْبًا فَإِنَّهُ يَنْقُصُ كُلَّ يَوْمٍ مِنْ عَمَلِهِ قِيرَاطٌ إِلَّا كَلْبَ حَرْثٍ أَوْ مَاشِيَةٍ"

Daripada Abu Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda: “Sesiapa yang memelihara anjing, maka sesungguhnya akan berkurangnya pahala amalannya setiap hari sebanyak satu qirat, melainkan bagi tujuan pertanian atau penternakan (yang mana hal ini diperbolehkan)” (al-Bukhari, no. 2322)

Menurut Ibn al-Athir (2001), *qirat* bermaksud sebahagian daripada matawang dinar, manakala penduduk Syam menjadikannya satu bahagian daripada dua puluh empat bahagian (iaitu 0.042 dinar). Menurut hadis di atas, umat Islam dilarang daripada memelihara anjing. Amalan ini menurut Rasulullah SAW akan menyebabkan pengurangan pahala bagi yang memeliharanya sebanyak satu qirat (dalam riwayat yang lain disebut dua qirat). Pengurangan pahala ini disebabkan oleh kesukaran yang dihadapi pemelihara anjing dalam menjaga kebersihan persekitaran. Hal ini boleh mengurangkan pahala pemelihara anjing sedikit demi sedikit. Pengurangan tersebut akan memberi implikasi kepada amalan harian orang yang memelihara binatang tersebut (al-‘Asqalani, 2000).

Namun begitu, penggunaan anjing bagi tujuan pertanian serta penternakan adalah diharuskan dan dikecualikan daripada larangan ini. Anjing-anjing ini diberi tugas untuk membantu di ladang sebagai penjaga tanaman dan hasilnya. Pada masa lalu, teknologi penjagaan dilaksanakan secara menugaskan anjing, manakala pada zaman sekarang, kecanggihan alat-alat moden sudah dapat menggantikan anjing. Kemudahan kamera sepanjang masa yang boleh dipantau menerusi internet, kawalan dalam bangunan dan teknologi yang lain dapat dibangunkan bagi memantau keselamatan tanaman serta hasilnya.

Teknologi pembajakan juga sudah boleh dimodenkan. Penggunaan kerbau dan lembu sudah digantikan oleh jentera pembajak yang lebih tahan lasak. Masa pembajakan juga turut dapat dikurangkan di samping itu hasil dapat dipertingkatkan. Inilah tujuan utamanya teknologi diciptakan iaitu untuk membantu kehidupan manusia. Hal ini tidak dihalang perkembangannya oleh Islam. Malah Islam, semenjak awal ketamadunannya, telah membenarkan penggunaan anjing demi kemaslahatan petani, yang mana pemeliharaan binatang tersebut untuk selain daripada itu (pertanian) akan memberi kemudaratan dari segi keagamaan. Justeru, pada masa kini, jika petani mempunyai teknik lain yang boleh mengurangkan risiko keagamaan, perkara itu tentunya lebih baik dan digalakkan.

Pada masa kini, teknologi di barat telah menggunakan kapal terbang, helikopter, lori, traktor dan jentera tuai dalam pertanian untuk menyemai, menyembur racun serangga, penuaian dan penghantaran produk-produk yang tidak tahan lama. Radio dan televisyen telah digunakan untuk menyebarkan maklumat cuaca dan maklumat-maklumat lain seperti keadaan pasaran yang boleh melibatkan para petani. Komputer juga telah menjadi alatan penting bagi pengurusan ladang dan penggunaan internet yang meluas telah digunakan sebagai sumber ilmu, rujukan dan meminta pandangan, pendapat dan segala jenis bantuan dari petani lain.

### **Pengurusan Perkongsian Dalam Pertanian**

Islam sentiasa memberi galakan agar umatnya melakukan perkongsian dan mewujudkan persefahaman dalam amalan perkongsian. Dalam pada itu, umat Islam dibenarkan juga agar bersama bermuafakat dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan. Cuma Islam melarang perkongsian pada perkara yang haram serta melarang beberapa teknik perkongsian. Selain daripada itu, Islam tidak menegah malah memperakukan sebarang permuafakatan. Hal ini bertepatan dengan semangat *ta’awun* iaitu bertolong-tolongan dalam perkara ketakwaan di samping mengelakkan bertolong-tolongan dalam perkara kemaksiatan.

Dalam hal ini, Rasulullah SAW sendiri pernah mengamalkan pengurusan perkongsian hasil pertanian dengan kaum yahudi Khaibar. Seusai peperangan Khaibar, Baginda SAW telah mengadakan perjanjian dengan mereka. Perjanjian ini sebagai timbal balas keselamatan kaum yahudi yang memohon agar mereka diberikan peluang berada di perkampungan mereka setelah mereka ditewaskan dalam peperangan tersebut. Mereka dibenarkan terus tinggal di Khaibar selama mana yang dikehendaki oleh orang-orang Islam. Kebenaran ini dengan syarat mereka mengusahakan pertanian di Khaibar dan memberikan separuh hasilnya kepada orang-orang Islam. Hal yang demikian diterangkan oleh hadis berikut.

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَعْطَى خَيْبَرَ الْيَهُودَ عَلَى أَنْ يَعْمَلُوهَا وَيَزْرَعُوهَا وَهُمْ شَطْرُ مَا حَرَجَ مِنْهَا

Daripada Ibnu ‘Umar RA bahawa Rasulullah SAW memberikan Khaibar kepada orang-orang yahudi (kebenaran untuk tinggal di Khaibar) dengan syarat mereka mengusahakan tanahnya dan bagi mereka separuh daripada hasil pertaniannya (dan separuh lagi untuk orang Islam) (al-Bukhari, no. 2331).

Hadis ini memberikan penjelasan bahawa perkongsian dibenarkan di dalam Islam. Tiada halangan dalam perkara ini. Apa yang dilarang ialah perkongsian dalam perkara-perkara yang diharamkan. Malah, hadis ini jelas turut membenarkan perkongsian walaupun dengan orang-orang bukan Islam. Ini bererti, perkongsian sesama Islam tentulah lebih utama dibenarkan. Menurut hadis ini juga diberi kebenaran perkongsian dalam keadaan satu pihak mengusahakan tanah, manakala pihak lain yang memiliki tanah itu mendapat separuh hasilnya.

## ULAMA DAN SUMBANGAN MEREKA

Bagi mengembangkan lagi bidang berkaitan pertanian dan ilmu berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan, ulama-ulama yang datang terkemudian turut menjalankan kajian dan mengemukakan pandangan mereka terhadap tumbuh-tumbuhan yang telah dianugerahkan oleh Allah SWT. Ilmuwan-ilmuwan Islam seumpama al-Dinawari, Ibn Sina, Ibn Sidah, Ibn al-Rumiyyah, Ibn al-Baytar dan sebagainya adalah di kalangan ulama yang telah dikenali serta menempa nama di dalam ilmu berkaitan pertanian dan tumbuh-tumbuhan.

Sejarah hidup mereka, keilmuan dan karya memaparkan ketokohan serta sumbangan yang besar bukan sahaja kepada masyarakat Islam malah kepada dunia seluruhnya. Pengetahuan berkenaan hidup serta sumbangan mereka ini akan membuka mata masyarakat tentang kewujudan segolongan pakar sejak zaman dahulu lagi di kalangan golongan yang berpegang kepada ajaran Islam.

Ilmuwan yang akan dikupas riwayat hidup serta sumbangan mereka di dalam bidang berkaitan pertanian dan tumbuh-tumbuhan adalah seperti berikut:

1. Al-Dinawari (w 281 Hijrah)
2. Ibn Sina (w 427 Hijrah)
3. Ibn Sidah (w 458 Hijrah)
4. Ibn al-Rumiyyah (w 637 Hijrah)
5. Ibn al-Baytar (w 641 Hijrah)



### **Al-Dinawari (w281H)**

Beliau ialah Ahmad b. Daud b. Watand Abu Hanifah al-Dinawari (al-Hamawi, t.t.). Dilahirkan pada sepuluh tahun pertama daripada Kurun Ketiga Hijrah di Dainur (Kahhalah, t.t.). Al-Dinawari menuntut ilmu dengan ulama Basrah dan Kufah. Guru yang paling banyak diambil oleh al-Dinawari ialah Ibn al-Sikkit (al-Hamawi, t.t.)

Al-Dinawari merupakan seorang pakar nahu dan bahasa Arab, pakar bintang serta ahli matematik. Beliau telah meninggal dunia pada bulan Jamadil Akhir tahun 282 Hijrah. Ada juga pendapat yang mengatakan beliau meninggal dunia pada tahun 281 Hijrah.

Yaqut al-Hamawi al-Rumi menukilkan di dalam kitabnya daripada Abu Hayyan: “Abu Hanifah al-Dinawari seorang yang amat jarang ditemui seumpamanya, terhimpun di sisinya hikmah falsafah dan huraian Arab. Setiap bidang yang diceburi oleh al-Dinawari, terlihat kehebatannya, pandangannya yang bernas serta kupasannya. Kata-katanya berkaitan dengan bintang menunjukkan kedalaman ilmunya berkaitan dengan bintang dan rahsia-rahsia cakerawala.” (al-Hamawi, t.t.).

Di antara hasil karya Abu Hanifah al-Dinawari ialah *Kitab al-Bahi*, *Kitab Ma Yalhanu bihi al-'Ammah*, *Kitab al-Syi'r wa al-Syu'ara'*, *Kitab al-Akhbar al-Tawil*, *Kitab al-Anwa'*, *Kitab al-Nabat*, *Kitab al-Fasahah* dan sebagainya.

### ***Kitab al-Nabat* (tumbuh-tumbuhan)**

Kitab ini merupakan kitab yang mengupas berkenaan tumbuh-tumbuhan serta dianggap kitab yang tidak pernah dihasilkan seumpamanya. Kitab ini dinyatakan mempunyai 6 jilid yang besar (Kahhalah, t.t.). Penulisnya yang juga digelar *Sheikh al-Nabatiyin* telah menghasilkan karya yang menjadi rujukan, kajian dan penyelidikan ulama-ulama selepas daripadanya.

Kitab ini menyenaraikan dan mengupas beratus-ratus jenis tumbuhan dengan terperinci termasuk penggunaannya, tempat yang subur dan tumbuh dengan banyak serta proses pembesaran pokok dan kehidupannya. Berkata Dr. Muntasir: Berkemungkinan *Kitab al-Nabat* oleh al-Dinawari – iaitu bahagian yang kelima – tidak pernah dihasilkan seumpamanya di dalam Bahasa Arab. Di dalamnya mengandungi nama tumbuh-tumbuhan yang tersusun mengikut huruf abjad Arab. Al-Dinawari juga telah menggunakan sumber-sumber asli di dalam Bahasa Arab. (Mahmud Hafiz, t.t.)

### **Ibn Sina (w427H)**

Beliau ialah al-Rais Abu 'Ali al-Husayn bin 'Abdullah al-Hasan bin 'Ali bin Sina al-Hakim. Dilahirkan pada bulan Safar tahun 370 Hijrah di Afsyanah, Bukhara (Ibn Khallikan, 1998). Bapanya berasal daripada Balkh dan berpindah ke Bukhara. Ibunya pula bernama Satarah yang berasal daripada Afsyanah.

Ibn Sina turut berpindah ke negeri-negeri tertentu sama ada mengikut bapanya atau menuntut ilmu. Beliau menyibukkan dirinya dengan menuntut ilmu dan mengambil seberapa banyak bidang-bidang ilmu yang ada. Ketika berumur 10 tahun, Ibn Sina sudah mula mendalami ilmu al-Quran, adab, dan telah menghafal beberapa kaedah Usuluddin, matematik, *al-jabar* dan ilmu perbandingan. Beliau menuntut ilmu mantik dengan al-Hakim Abu 'Abdullah al-Natili sehingga berjaya mengatasi gurunya di dalam memahami beberapa istilah dan simbol-simbol

dalam ilmu tersebut. Ibn Sina turut mendalami ilmu lain dan mula meminati ilmu perubatan serta mengkaji kitab berkaitan dengannya (Ibnu Khallikan, 1998).

Ketika beliau menuntut ilmu, Ibn Sina tidak pernah tidur dengan sempurna pada waktu malam dan siangya dihabiskan dengan menyelak helaian kitab dan memahami kandungannya. Apabila mendapati suatu masalah, beliau akan berwuduk, menuju ke masjid, bersolat dan berdoa kepada Allah SWT agar dipermudahkan kepadanya dan dibuka kefahaman terhadapnya. (Ibnu Khallikan, 1998).

Diceritakan bahawa ketika al-Amir Nuh bin Nasr al-Samani ditimpa penyakit, Ibn Sina datang menziarahinya dan berjaya merawatnya sehingga sembuh. Kesan daripada rawatan ini, al-Amir Nuh bin Nasr al-Samani membenarkan Ibn Sina untuk memasuki sebuah bilik yang mengandungi kitab-kitab peribadinya. Koleksi kitab yang dimilikinya itu tidak terdapat di perpustakaan yang lain. Ibn Sina berhasil memperoleh ilmu pengetahuan yang lebih banyak dan tidak didalami oleh orang lain (Ibnu Khallikan, 1998).

Setelah menuntut ilmu dan menjadi mahir dalam pelbagai bidang terutamanya perubatan, akhirnya Ibn Sina ditimpa suatu penyakit. Sahabat-sahabatnya menyuruhnya untuk berubat. Tetapi Ibn Sina berkata: Unsur yang melawan penyakit di dalam badanku telah menjadi lemah dan tidak mampu melawannya lagi. Ibn Sina mandi membersihkan dirinya, bertaubat, bersedekah kepada fakir miskin, memulangkan barang-barang kepada pemilik asalnya, membebaskan hamba-hambanya serta mengkhataamkan al-Quran setiap tiga hari. Akhirnya Ibn Sina meninggal dunia pada Hari Jumaat, bulan Ramadan, tahun 428 Hijrah di Hamazan (Ibnu Khallikan, 1998).

Ibn Sina merupakan seorang ulama yang amat jarang ditemui pada zamannya, penuh dengan kecerdikan, keilmuan dan menghasilkan banyak karya bermutu tinggi. Di antara hasil karyanya ialah Kitab al-Syifa, Kitab al-Najah, Kitab al-Isyarat, Kitab al-Qanun dan banyak lagi sehingga mencapai hampir seratus buah karya yang merangkumi pelbagai bentuk penulisan lain sama ada panjang dan terperinci, ringkasan, artikel dan sebagainya.

### ***Kitab al-Syifa'***

Kitab yang ditulis oleh Ibn Sina ini terdiri daripada lebih 20 jilid. Ia ditulis ketika zaman kecemerlangan tamadun ilmu dan Islam malah telah diterjemahkan ke bahasa latin dan beberapa bahasa Eropah. Di dalam kitab ini, terdapat beberapa fasal yang mengupas berkenaan dengan pohon-pohon, tumbuhan, rumput rampai, bunga dan sebagainya. Beliau telah menyebut pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan serta spesis-spesis yang pelbagai dari jenis yang sama (Mahmud Hafiz, t.t.).

Ibn Sina turut mengemukakan pandangan serta teori-teori berkaitan tumbesaran pokok, jantan atau betina. Begitu juga berkaitan dengan buah-buahan yang berbagai jenis. Keadaan pokok yang dikatakan masak serta subur dan sebagainya. Kitab ini juga menghuraikan tentang haiwan, burung dan binatang air (Mahmud Hafiz, t.t.).

### **Ibn Sidah (w458H)**

Beliau ialah al-Hafiz Abu al-Hasan 'Ali bin Isma'il yang lebih dikenali dengan Ibn Sidah al-Mursi (Ibn Khallikan, 1998). Merupakan seorang pakar di dalam bahasa Arab dan hafiz bagi

kedua-duanya. Ibn Sidah dilahirkan pada tahun 398 Hijrah di Mursiyyah, al-Andalus. Ibn Sidah ialah seorang yang buta, begitu juga bapanya.

Bapanya merupakan seorang ulama di dalam bidang bahasa. Ibn Sidah menuntut ilmu pada mulanya dengan bapanya sendiri. Kemudian belajar dengan Abu al-‘Ala’ Sa’id al-Baghdadi, serta Abu ‘Umar al-Talamanki. Berkata Abu ‘Umar al-Talamanki: Aku telah memasuki Bandar Mursiyyah dan penduduknya mula belajar Kitab Gharib al-Musannaf denganku. Aku berkata kepada mereka: Pilihlah di kalangan kamu orang yang akan membacakan kitab ini kepada kamu semua dan aku akan menerangkannya. Mereka lantas mendatangkan seorang lelaki buta yang dikenali dengan Ibn Sidah. Dia membaca kepadaku daripada mula sehingga akhir kitab. Aku merasa takjub dengan kekuatan hafalannya (Ibn Khallikan, 1998).

Ibn Sidah meninggal dunia pada waktu petang hari Ahad, 4 hari terakhir pada bulan Rabiul akhir, tahun 458 Hijrah. Ketika itu beliau berumur dalam lingkungan 60 tahun. Pada hari Jumaat sebelumnya, Ibn Sidah dalam keadaan sihat sehinggalah waktu Maghrib. Beliau berwuduk dan apabila keluar daripada bilik air, Ibn Sidah sudah tidak boleh mengeluarkan kata-katanya. Begitulah keadaannya sehingga beliau meninggal pada hari Ahad (Ibn Khallikan, 1998).

Yaqut al-Hamawi (t.t.) berkata: Al-Qadi al-Jayyani menjelaskan : Beliau (Ibn Sidah) di samping kepakarannya di dalam sastera dan bahasa Arab, juga memiliki ilmu-ilmu hikmah dan telah menghasilkan banyak karya mengenainya. Tiada di zamannya orang yang lebih mengetahui daripadanya tentang nahu, bahasa Arab, syair-syair, dan sejarah Arab serta ilmu yang berkaitan dengannya. Di dalam bidang bahasa, beliau telah menghasilkan *kitab al-Mukham wa al-Muhit al-A’zam*. Disusun kitab ini berdasarkan huruf mu’jam di dalam 12 jilid. Begitu juga *kitab al-Mukhassas* yang disusun mengikut bab (al-Hamawi, t.t.).

### ***Kitab al-Mukhassas***

Kitab ini terdiri daripada 17 juzu’. Ibn Sidah membahagikannya kepada bab-bab tertentu dan diletakkan tajuk bagi setiap bab dengan nama Kitab..., contohnya beliau memulakan dengan kitab al-Insan, kemudian al-Haiwan dan seterusnya al-Nabat. Setiap kitab dipecahkan kepada tajuk-tajuk kecil yang tertentu.

Kitab ini adalah dianggap sebuah *mausu’ah* yang ditulis pada kurun ke-5 Hijrah dengan bahasa Arab yang asli. Bahagian yang menjadi tumpuan ialah bahagian ke-10 hingga ke-12 yang membicarakan tentang tumbuhan, rumput, pohon-pohon besar, sayur-sayuran, pohon kekabu, tumbuhan yang menjalar dan sebagainya. Beliau mengemukakan huraian terperinci dengan sifat-sifat setiap jenis, perbezaan, bahasa yang digunakan dan sebagainya (Mahmud al-Hafiz, t.t.). Kitab ini adalah sebuah karya yang amat berguna terutama bagi yang berkecimpung dalam bidang berkaitan dengan tanam-tanaman.

### **Ibn al-Rumiyyah (w637H)**

Beliau ialah Abu al-‘Abbas Ahmad bin Muhammad bin Mufarraaj bin ‘Abdullah al-Amawi Maulahum al-Andalusi al-Ishbili al-Zuhri, Ibn al-Rumiyyah al-Hafiz al-Naqid (al-Dhahabi, 2003)

Dilahirkan di Ishbili, al-Andalus pada tahun 561 Hijrah. Menuntut ilmu dan membesar di Ishbili. Belajar dengan Abu ‘Abdullah Ibn Zarqun, Abu Bakr Ibn al-Jad, Ahmad bin Jumhur,

Muhammad bin ‘Ali al-Tujibi, Abu Zar al-Khusyani dan sebagainya. Beliau mengerjakan haji dan melakukan pengembaraan ke Iraq serta menuntut ilmu dengan murid-murid al-Farawi dan Abu al-Waqt (al-Dhahabi, 2003).

Berkata al-Abar: “Beliau bermazhab Zahiri dan agak taksud dengan Ibn Hazm, sebelumnya bermazhab Maliki. Mahir dengan hadis dan perawi-perawi. Beliau ada menghasilkan karya yang boleh dikategorikan sama dengan kitab al-Kamil. Pengetahuannya berkenaan dengan tumbuhan dan pohon-pohon tidak dapat ditandingi oleh ulama sezamannya.”

Ibn al-Rumiyyah telah menghasilkan pelbagai karya di antaranya ialah Kitab al-Tazkirah Fi Ma’rifah Masyikhatah, al-Mu’lim bi ma Zada al-Bukhari ‘ala Muslim, Tafsir Asma’ al-Adwiyyah, Syarah al-Hasyaisy, al-Rehlah al-Nabatiyyah dan sebagainya. Beliau meninggal dunia pada bulan Rabiul Awal tahun 637 Hijrah (al-Dhahabi, 2003).

Ibn Nasr al-Din menerangkan: Ibn al-Rumiyyah seorang hafiz, soleh, pengarang di kalangan yang terbaik. Bermazhab Zahiri, warak, berkerja di farmasinya untuk mengkaji dan mengetahui dengan baik berkenaan tumbuh-tumbuhan (Ibn al-‘Imad al-Hanbali, 1998). Ibn al-Rumiyyah juga adalah seorang ulama yang mahir di dalam bidang berkaitan tumbuh-tumbuhan, jenis-jenis, kekuatan, manfaat, perbezaan setiap tumbuhan, sifat-sifat, tempat-tempat subur dan sebagainya sehingga menjadi rujukan ulama-ulama lain (al-Jumard, 10 Oktober 2020).

Ibn al-Rumiyyah merupakan ulama Arab dan muslimin yang menonjol dalam bidang tumbuh-tumbuhan bahkan beliau dianggap hujah di dalam bidang ini di Andalus. Di antara murid-muridnya ialah Ibn al-Baitar yang turut mewarisi keserjanaan Ibn al-Rumiyyah di dalam penyelidikan, kesabaran dalam menjalankan kajian dan penghasilan penemuan sains. Walaupun karya Ibn al-Rumiyyah di dalam berkaitan tumbuh-tumbuhan dan pertanian tidak banyak, akan tetapi mempunyai kelebihan dan keistimewaan tersendiri. Ibn al-Rumiyyah akan memperincikan huraian beserta contoh jika didapati topik agak sukar dan memerlukan keterangan yang mendalam. Kadangkala huraian dibawa secara ringkas sekiranya sudah diperkatakan dan mudah difahami (al-Jumard, 10 Oktober 2020)

### ***Kitab al-Rehlah al-Nabatiyyah***

Sesuatu yang menjadi kerugian umat islam kerana kitab yang berharga ini tidak dijumpai dan hilang daripada umat Islam. Hanya yang tinggal apa yang dinukilkan oleh Ibn al-Baitar. Kitab ini mengandungi maklumat yang amat berharga kerana ia melambangkan hasil daripada kesungguhan serta kajian ilmiah yang tidak dapat dibandingkan dengan apa-apa perkara. Nilai kitab ini amat jelas daripada kata-kata seorang orientalis: Sesungguhnya Ibn al-Rumiyyah seumpama gergasi yang tiada bandingannya kecuali al-Ghafiqi di dalam bidang tumbuh-tumbuhan”.

Kitab ini disusun mengikut huruf mu’jam. Kitab ini tergolong dalam kitab-kitab yang hilang sama seperti yang berlaku kepada kitab lain dalam bidang farmasi. Tiada yang terbaki kecuali apa yang dinukilkan oleh Ibn al-Baitar. Keistimewaan kitab ini ialah keterangan yang terperinci dan teliti serta sifat-sifat tumbuhan yang dilihatnya di tempat-tempat yang dilawati. Kitab ini turut mengandungi maklumat yang banyak berkenaan tumbuh-tumbuhan, turut merangkumi nama dan faedah dari sudut perubatan dan pemakanan (al-Jumard, 10 Oktober 2020).

**Ibn al-Baitar (w641H)**

Beliau ialah Abu Muhammad Diya' al-Din 'Abdullah bin Ahmad bin al-Baitar al-Maliqi al-Andalusi. Seorang ahli perubatan dan pakar tumbuhan. Ibn al-Baitar dianggap sebagai tokoh ilmuwan terkenal dalam bidang tumbuhan. Dilahirkan pada akhir kurun keenam hijrah. Pernah berguru dengan Abu al-'Abbas al-Nabati al-Andalusi. Mengembara daripada Andalus ke negara Mesir, Syam serta negara-negara di Rom (Kahhalah, t.t.).

Semasa usia Ibn al-Baitar masih muda, beliau pernah merantau ke Marakesh, Algeria dan Tunisia. Beliau juga mengunjungi Greece dan negara-negara Rom untuk menimba ilmu berkaitan tumbuh-tumbuhan dari para ilmuwan di sana. Ibn al-Baitar akhirnya menetap di Mesir dan berkhidmat dengan gabenor Damsyiq. Beliau berkhidmat dengan raja kerajaan al-Ayubi yang bernama al-Kamil dan seterusnya anaknya yang bernama al-Soleh. Beliau juga dilantik sebagai ketua para ulama tumbuh-tumbuhan di negara Mesir (Ibn 'Imad al-Hanbali, 1998).

Ibn al-Baitar wafat di Damsyik pada tahun 646H. Di antara sifat-sifatnya seperti yang dinyatakan oleh Ibn Usaiba'ah (pengarang kitab *Tabaqat al-Atibba'*) seseorang yang memiliki akhlak mulia, bermaruah tinggi, dan berilmu. Ibn al-Baitar memiliki kekuatan hafalan yang menakjubkan. Kekuatan ingatan ini telah membantunya menghasilkan karya berkaitan ubat-ubatan, tumbuh-tumbuhan yang pelbagai. Tidak tertinggal sedikit pun sama ada yang kecil mahupun yang besar, semuanya disusun dengan teliti dan terancang.

Ibn al-Baitar telah menghasilkan pelbagai jenis karya antaranya *al-Jami' li Mufradat al-Adawiyah wa al-Akhziyyah*, *Ta'liqah 'ala Manhaj al-Bayan Fi Ma Yasta'maluhu al-Insan min al-Adawiyah al-Mufradah wa al-Murakkabah*, *al-Af'al al-Gharibah wa al-Khawas al-'Ajibah*, *al-Mughni Fi al-Adawiyah al-Mufradah* dan sebagainya ([marefa.org/ابن البيطار](http://marefa.org/ابن البيطار), 10 Oktober 2020).

***Al-Jami' Li Mufradat al-Adawiyah Wa al-Akhziyyah***

Kitab ini juga dikenali sebagai *Mufradat Ibn al-Baitar* seperti yang dinyatakan oleh Ibn Usaiba'ah. Kitab yang terhasil daripada kajiannya yang mendalam merangkumi keilmuan dan penyelidikannya secara eksperimen. Terdiri daripada 4 jilid. Ibn al-Baitar mengumpulkan di dalam kitab *al-Jami' li Mufradat al-Adawiyah wa al-Aghdhiyyah* semua yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan untuk perubatan dan haiwan-haiwan yang boleh diambil daripadanya unsur-unsur untuk proses perubatan. Maklumat-maklumat dihimpunkan daripada kitab-kitab ulama Arab dan al-Ighriq (Mahmud Hafiz, t.t.).

Metode yang digunakan di dalam kitab ini ialah beliau akan menyenaraikan nama-nama tumbuhan dan haiwan dengan bahasa yang berbeza. Kemudian akan menghuraikannya dengan menyifatkan setiap daripada bahagian tumbuhan atau haiwan. Beliau melakukan huraian dengan penuh teliti berpandukan kitab-kitab terdahulu dengan menyatakan faedahnya, cara mendapatkan dan membentuknya menjadi ubatan serta cara menggunakannya. Isi kandungan kitab tersebut disebut mengikut urutan huruf mu'jam. Dengan cara inilah Ibn al-Baitar menyebut beratus-ratus tumbuhan dan haiwan dan berpandukan kepada kajian serta penglihatan yang teliti (Mahmud Hafiz, t.t.).

## **KESIMPULAN DAN SARANAN**

Hasil daripada kertas kerja yang ditulis, dapatlah disimpulkan bahawa al-sunnah amat berperanan dalam mengisi modal insan terutamanya dalam sektor pertanian. Sektor pertanian memerlukan golongan pengusaha pertanian yang mengamalkan saranan al-sunnah agar kualiti dan akauntabiliti mereka memberi nilai tambah kepada bidang pertanian itu sendiri. Justeru, pertanian yang diusahakan akan dirahmati dan hasilnya akan berkualiti. Alam sekitar turut terpelihara dengan baik dan keseimbangannya akan terkawal.

Akan tetapi jika golongan petani mengabaikan saranan tersebut, dikhuatiri keseimbangan alam akan terjejas. Penggunaan alatan pertanian secara melampaui batas misalnya akan merosakkan tanah dan kualitinya. Penyalahgunaan racun akan mencemarkan tanah serta sistem pengairan. Tanpa kawalan terhadap perkara-perkara ini, menyebabkan generasi akan datang tidak lagi dapat menggunakan tanah untuk pertanian.

Di samping itu, sumbangan ilmuwan Islam dalam pengembangan bidang pertanian amat perlu diketengahkan dalam masyarakat Islam agar mereka dihargai serta dikaji keilmuan mereka. Legasi mereka mesti didalami supaya tidak terus terpendam dalam penulisan mereka, malah perlu digabungkan dengan kearifan tempatan serta kajian saintifik masa kini dalam meningkatkan tahap kesihatan masyarakat.

Dalam hal ini, tentunya saranan al-sunnah yang meliputi perkara keduniaan dan juga akhirat akan memberikan panduan yang sempurna kepada umat manusia. Bagi negara Malaysia, secara khususnya, yang sedang giat memberikan tumpuan terhadap sektor ini, pengamalan al-sunnah dapat membangunkan pertanian yang diberkati oleh Allah SWT dan dengan ini memperoleh ganjaran pahala daripada-Nya. Semua ini akan memberikan impak yang besar kepada kemajuan pertanian.

**BIBLIOGRAFI**

- Abu ‘Abdullah Syam al-Din al-Dhahabi (2003), *Tadhkirah al-Huffaz*. Tahqiq: Sheikh Muhammad Zahid al-Kauthari, c.1, j. 4, Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- al-‘Asqalani, Ibnu Hajar (2000), *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, c.3, al-Riyadh: Maktabah Dar al-Faiha’.
- al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad Ismail (2000), *Sahih al-Bukhari*, Syarh Fath al-Bari oleh Ibn Hajar, c.3, al-Riyadh: Dar al-Salam.
- al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad Ismail (t.t) *al-Tarikh al-Kabir*, Makkah: Dar al-Baz.
- al-Fairuz Abadi Muhammad bin Ya’qub (1996), *al-Qamus al-Muhit*, c.5, Beirut: Muassasah al-Risalah
- al-Hamawi, Syihab al-Din Yaqut bin ‘Abdullah al-Rumi ( t.t.), *Mu’jam al-Udaba’*, j.3, Beirut : Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Al-Jumard, Jazil bin ‘Abd al-Jabbar. 1994. *Abu al-‘Abbas Ibn al-Rumiyyah: ‘Alim al-A’shab wa al-Nabat al-Tibbiyyah – Hayatuhu wa Turathuhu 561-637H*. Majallah Adab al-Rafidin. Bil. 24. 494-536. Diakses pada 10 October 2020 daripada <<https://archive.alsharekh.org/Articles/143/14535/325016/43>>
- Ibn al-‘Imad, Syihab al-Din ‘Abd al-Hayy bin Ahmad bin Muhammad bin al-‘Imad al-Hanbali (1998), *Shadharat al-Dhahab fi Akhbar man Dhahab*, tahqiq: Mustafa ‘Abd al-Qadir, c.1, j.5, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn al-Athir, al-Mubarak bin Muhammad al-Jazari (2001). *Al-Nihayah Fi Gharib al-Hadith Wa al-Athar*. c.1. Beirut: Dar al-Ma’rifah.
- Ibn Khallikan, Abu al-‘Abbas Ahmad bin Muhammad (1998). *Wafayat al-A’yan wa Anba’ al-Zaman*, c.1, j.1, Beirut : Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Info Pertanian Online (18 Mac 2011). *Sistem Fertigasi*. Diakses pada 10 Oktober 2020 daripada <<http://infopertanianonline.blogspot.com/2011/03/sistem-fertigasi.html>>
- Kahhalah, ‘Umar Rida (t.t.). *Mu’jam al-Muallifin*. c.4. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Mahmud Hafiz (t.t.) *al-Lughah al-‘Arabiyyah fi Khidmah ‘Ulum al-Ahya’*. Majallah Mujamma’ al-Lughah al-‘Arabiyyah. Bil 43.
- Muhammad Idris al-Marbawi (1350H). *Qamus al-Marbawi*. c.4, Mesir: Matba’ah Mustafa al-Halabi.
- Muhammad Nasir al-Din al-Albani (1414H). *Sahih al-Adab al-Mufrad*. c.1. al-Riyadh: Dar al-Siddiq.
- Muslim ibn Al-Hajjaj (2004). *Sahih Muslim Bi Syarhi al-Minhaj Li al-Nawawi*. c.10. Beirut: Dar al-Ma’rifah.
- Sayf al-Hamuri (18 Februari 2020). *Fawa’id al-Tumur ‘ala al-Riq*. Diakses pada 10 Oktober 2020 daripada <<https://www.webteb.com/articles/فوائد التمور على الرقيق>>
- n.a. (10 Oktober 2020) *Ibn al-Baitar*. Diakses 11 Oktober 2020 daripada <[https://www.marefa.org/ابن\\_البيطار](https://www.marefa.org/ابن_البيطار)>
- Wikipedia (10 Oktober 2020) *Pertanian*. Diakses pada 11 Oktober 2020 daripada <<http://ms.wikipedia.org/wiki/Pertanian>>